

Headline	Bukan anak emas TV3		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	485 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 16,420
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,260



# Bukan anak emas TV3

» Amar Asyraf tak kejar populariti, ingin sambung pengajian dalam lakonan ke peringkat ijazah

Oleh Fatin Farhana Ariffin

**S**ejak popular menerusi drama rantaian *Setia Hujung Nyawa*, pelakon, Amar Asyraf, bagaikan tidak putus-putus mendapat tawaran daripada stesen televisyen TV3. Apatah lagi apabila dirinya dilantik sebagai duta untuk kempen Anugerah Syawal, sempena sambutan Hari Raya.

Begitupun, pemuda ini menolak tawaran kononnya dia anak emas TV3, ataupun hanya menerima tawaran daripada stesen popular itu saja. Malah, Amar berkeras menafikan dakwaan sesetengah pihak, dirinya mengejar populariti semata-mata.

Ditemui pada majlis berbuka puasa anjuran stesen berkenaan di ibu negara baru-baru ini, Amar tidak menafikan drama gandingannya bersama Nelydia Senrose itu membantu melonjak namanya dalam arena lakonan. Sebelum ini, kehadirannya dalam persada seni seakan tidak disedari peminat.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu Amar berkata, jika dilihat kembali, sudah lama wajahnya tidak kelihatan di saluran berkenaan.

"Sebenarnya, sudah lama saya tidak nampak muka sendiri muncul di TV3 selepas *Setia Hujung Nyawa*. Bahkan, itulah drama terakhir saya di saluran berkenaan setakat ini.

"Begitupun, saya amat berbesar hati dan terharu apabila diberi peluang menjadi duta *Anugerah Syawal*. Mereka mungkin memberikan saya kepercayaan ini sebab TV3 tahu macam mana saya bekerja," katanya merendah diri.

Sememangnya, rezeki lelaki ini memang semakin murah. Terbaru, Amar baru menerima tawaran menghidupkan sebuah watak dalam drama untuk slot Aksi, arahan Khair Bhatia. Selain drama, jejaka ini juga baru menamatkan penggambaran telefilem *Janin Emas*, *Bila Hujan*, *Ciptaan Terindah* dan *Setia Hujung Nyawa* edisi Raya.

**Bulan madu di Thailand**  
Bakal melangsungkan majlis per-

sandingan selepas dua bulan bernikah, iaitu pada 17 Ogos nanti di kampung halamannya di Masjid Tanah, Melaka, Amar memaklumkan dia akan meluangkan masa untuk berbulan madu ke Selatan Thailand, selepas selesai majlis berkenaan.

Kini bergelar suami, pelakon ini mengaku pada mulanya wujud rasa kekok dalam diri. Namun, selepas beberapa minggu, dia mula selesa dengan kehadiran seorang wanita dalam kehidupannya.

Pada masa sama dia sedar kesibukan dirinya dengan kerjaya seni, justeru, dia mengambil keputusan untuk berehat seterusnya meluangkan masa kira-kira seminggu bersama isterinya.

Ketika yang sama Amar bersyukur kerana dikurniakan isteri yang amat memahami dan tidak mudah melenting, walaupun dia banyak bergandingan bersama pelakon wanita menjayakan berbagai-bagai babak romantik.

"Isteri saya sekarang sibuk menguruskan perniagaan kedai cenderamata dan kelengkapan pengantin. Dia dengan urusannya dan saya dengan lakonan. Jadi, dia tidak mengacau kerja saya.

"Semestinya perempuan akan rasa cemburu apabila suaminya menjayakan adegan romantik, tetapi jujur dia memahami tanggungjawab seorang pelakon. Lagipun, saya akan memaklumkan padanya setiap adegan romantik yang akan saya lakukan, supaya dia

tidak terkejut apabila melihatnya nanti. Sekurang-kurangnya dia sudah bersedia.

"Dia pun pernah cakap, jangan buat dia terkejut supaya nanti tiada salah tanggapan. Saya akui bila sudah bergelar suami, kita perlu ada batasan. Kalau nak isteri yang baik, kita pun kena jadi suami yang baik. Jadi, saya tidak akan melakukan adegan bercium, sama ada cium dahi, pipi dan lain-lain," katanya.

Sementara itu, graduan Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini akan melanjutkan pelajarannya ke peringkat

ijazah dalam jurusan Pengurusan Seni di institusi yang sama, tidak lama lagi.

## Ingin bantu tingkat martabat insan seni

Amar menyimpan cita-cita untuk bergelar pensyarah, justeru dia mahu menimba ilmu supaya dapat membimbing insan lain ke peringkat lebih tinggi.

"Saya rasa sudah tiba masa untuk orang seni kita jadi lebih baik lagi. Maknanya, mereka bukan sekadar tahu berlakon saja. Tiba masanya untuk industri seni kita menjadi lebih besar, teratur dan dipandang tinggi. Pelakon kita memang memerlukan latihan dan pembelajaran, supaya tidak digelar pelakon semata-mata.

"Sebab itu saya mahu sambung belajar. Dari dulu lagi, niat saya datang ke sini adalah untuk belajar berlakon teater, bukannya menjadi pelakon arus perdana. Saya bukan datang ke dalam industri ini untuk kejar populariti, sebaliknya saya mahu kejar karya," katanya.

Menyentuh soal Hari Raya, Amar berkata, dia akan pulang ke Melaka dan Perak untuk menyambut Syawal.

"Inilah tahun pertama saya beraya bersama isteri. Agak berdebar juga kerana banyak persiapan yang perlu dilakukan," ujarnya yang akan berpakaian sedondon merah pada Aidilfitri ini.

*"Saya amat berbesar hati dan terharu apabila diberi peluang menjadi duta Anugerah Syawal. Mereka mungkin memberikan saya kepercayaan ini sebab TV3 tahu macam mana saya bekerja"*  
Amar Asyraf,  
Pelakon

Headline	Bukan anak emas TV3		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	485 cm <sup>2</sup>
Journalist	Fatin Farhana Ariffin	AdValue	RM 16,420
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,260



**Duta Anugerah Syawal**, dari kiri; Aiman Hakim, Nora Danish, Nelydia Senrose, Fiza Sabjahan, Tasha Shilla dan Amar Asyraf.

[ FOTO AMIRUDDIN SAHIB /BH ]